

Mesej Lima

**Kebolehan Alamiah Lawan Kebolehan yang Dibangkitkan
yang Berasal daripada Kematangan Hayat
untuk Membina Gereja sebagai Tubuh Kristus yang Organik**

Bacaan Bible: 1 Raj. 3:1; 11:1-8; Yos. 9:14; 1 Kor. 1:24, 30;
Yes. 45:15; 7:31; Mat. 6:6

- I. Salomo menjadi orang arif dan orang yang berpengertian (2 Taw. 1:10; bd. Kol. 2:2b-3); akan tetapi, disebabkan dia mengahwini banyak perempuan pagan dan menyembah berhala mereka serta membina tempat-tempat untuk umat menyembah berhala, dia kehilangan kearifannya yang diberi Tuhan dan kefahamannya yang diberi Tuhan; dia menjadi amat jahil dan membawa masuk kerosakan kepada kingdomnya (1 Raj. 3:1; 11:1-8):**
- A. Bapa Salomo, iaitu Daud, seorang yang menurut hati Tuhan, juga gagal dalam dosa sama yang kasar dan dahsyat ini dengan memuaskan nafsunya (2 Sam. 11); kegagalan Salomo dalam godaan kesyaitanan ini jauh lebih besar daripada bapanya; kejatuhananya adalah dalam hal dia memuaskan nafsunya dengan mencintai banyak perempuan bangsa asing (1 Raj. 11:1-3), dia meninggalkan Tuhan yang menampakkan diri kepadanya sebanyak dua kali (ay. 9b), dan dia menyembah berhala bangsa Asing akibat daripada godaan perempuan bangsa asing yang dicintainya (ay. 4-8).
 - B. Salomo mempunyai tujuh ratus isteri dan tiga ratus gundik (ay. 3); untuk memuaskan nafsu mereka, dia membina tempat-tempat tinggi; isteri-isterinya “memesongkan hatinya untuk menuntut tuhan-tuhan lain” (ay. 4); “Salomo menuntut Asytoret dewi orang Sidon dan menuntut Milkom, benda yang dikehendaki kepunyaan orang Amon” (ay. 5).
 - C. “Salomo membina tempat tinggi untuk Kamos, benda yang dikehendaki kepunyaan Moab di gunung yang terletak di hadapan Yerusalem, dan untuk Molokh, benda yang dikehendaki kepunyaan keturunan Amon”—ay. 7:
 1. Semasa pemerintahan Salomo, bait telah dibina di Yerusalem dan kemuliaan Tuan memenuhi bait; zaman pembinaan bait ialah masa keemasan dalam sejarah bani Israel—8:10-11.
 2. Tempat yang unik, yakni Yerusalem, menandakan kesatuan, manakala tempat-tempat tinggi menandakan perpecahan; sebagaimana segala jenis kejahatan dan benda yang amat dibenci berkaitan dengan mendirikan tempat-tempat tinggi, begitu juga dalam erti kata Wasiat Baru, segala jenis kejahatan berkaitan dengan perpecahan—1 Kor. 1:10 dan nota kaki 3.
 3. Memang mengejutkan bahawa Salomo, iaitu orang yang membina bait menurut hasrat Tuhan di atas tapak kesatuan umat Tuhan, memimpin untuk membina semula tempat-tempat tinggi—1 Raj. 11:6-8.
 - D. Ini menyebabkan keturunannya kehilangan lebih daripada sembilan puluh peratus kingdom mereka dan menyebabkan umat pilihan Tuhan menderita perpecahan dan kekeliruan sesama sendiri untuk banyak generasi; akhirnya mereka kehilangan tanah yang diberikan Tuhan dan menjadi tawanan di tanah bangsa asing yang menyembah berhala.
 - E. Bangsa Israel masih lagi menderita disebabkan kegagalan Salomo; ini sememangnya satu amaran dan peringatan kepada kita! Kita harus berhati-hati; bahkan sedikit kegagalan dalam hal pemuasan nafsu akan merosakkan kehidupan gereja dan membunuh aspek yang gemilang dalam kehidupan gereja.

GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

Mesej Lima (sambungan)

- F. Oleh yang demikian, kita harus berhati-hati bahkan dalam hal yang paling kecil; kita harus bergerak-hidup menurut roh dalam segala hal (Roma 8:4; bd. Za. 4:8-10); umat Tuhan harus hidup bersama dengan-Nya, sentiasa bergantung pada-Nya dan menjadi satu dengan-Nya (Yos. 9:14; 2 Kor. 6:1a; 1 Kor. 3:9; Mat. 1:23).
- G. Kematian Salomo berlaku dalam kekecewaan yang suram (1 Raj. 11:40-43); kemuliaannya gugur seperti bunga rumput (Mat. 6:29; 1 Ptr. 1:24), dan kerjayanya yang gemilang menjadi “kesia-siaan atas segala kesia-siaan”, seperti yang diberitakannya (Pkh. 1:2).

II. Kita perlu melihat kegagalan Salomo di bawah cahaya hayat rohani:

- A. Salomo seorang yang arif namun bukan manusia yang rohani; dia seorang yang berkeupayaan, bukan manusia hayat; dia menikmati tanah permai yang diberikan Tuhan ke tahap yang tertinggi menerusi kurniaannya yang diberikan Tuhan; akan tetapi, disebabkan ukuran kematangan hayat rohaninya yang sedikit, dia dikeratasingkan daripada menikmati tanah permai dalam ekonomi Tuhan kerana dia memuaskan nafsunya secara tidak terkawal—1 Kor. 2:14-15; 3:1, 3.
- B. Kearifan yang diberikan Tuhan kepada Salomo menjadikan dia agung di dunia pada zamannya; akan tetapi, kearfannya sama sekali dalam alam fizikal, tanpa apa-apa elemen rohani; kearfannya merupakan bayangan bagi kearifan sebenar yang akan datang, dan kearfannya sama sekali berbeza daripada kearifan Paulus—1:24, 30.
- C. Kearifan Paulus merupakan kearfian rohani berkenaan Kristus berumah dalam hati kita (Ef. 3:17), kita bergerak-hidup dan berperilaku menurut roh (Roma 8:4), dan dua roh—Roh divin dan roh insani—berbaur bersama menjadi satu roh (ay. 16; 1 Kor. 6:17).
- D. Misteri ekonomi Tuhan telah disingkapkan terutamanya kepada Paulus (Kol. 2:2; Ef. 3:3-5, 9-10); hari ini jika kita ingin mengetahui kearfian tertinggi dalam alam semesta, kita harus mendalamai kristalisasi kebenaran dalam Surat-surat Paulus; kearfian yang sebenar ialah Tuhan, dan Tuhan terjadah dalam Kristus, yang menjadi kearfian kita untuk berada dalam kita, menjadikan kita satu dengan Tuhan dan menjadikan kita sama seperti Tuhan dalam hayat dan sifat tetapi bukan dalam Ketuhanan; dengan demikian, kita menjadi mahakarya Tuhan Tritunggal, puisi-Nya yang menyatakan kearfian-Nya yang tidak terhingga dan rekaan divin-Nya (1 Kor. 1:24, 30; Ef. 2:10; 3:9-11).

III. Salomo ialah manusia yang penuh dengan kebolehan alamiah namun bukan manusia hayat, manusia yang kearfannya ialah suatu kurniaan namun bukan ukuran hayat; kejayaan yang dicapainya membuktikan keupayaannya yang berasal daripada kurniaan kearfian yang diberi Tuhan, bukan memanifestasikan kebolehan yang berasal daripada kematangan hayat—Ibr. 6:1; Kol. 1:28-29; Flp. 3:12-15:

- A. Kita perlu melihat perbezaan antara kebolehan alamiah kita dengan kebolehan yang telah melalui kematian dan kebangkitan; kita perlu menyedari bahawa dalam hal-hal Tuhan, diri alamiah dan kebolehan alamiah kita adalah tidak berupaya dan tidak layak—Kis. 7:22; Kel. 3:2-3, 14-15; 1 Kor. 2:14; Flp. 3:3-9; 2 Kor. 3:5-6.
- B. Kita tidak harus menaruh sebarang keyakinan pada diri alamiah kita dalam hal-hal Tuhan; sebaliknya kita harus belajar menolak diri alamiah kita dan melatih roh kita dalam setiap hal demi pembinaan Tubuh Kristus yang organik—Flp. 3:3; Roma 8:4; 1 Tim. 4:7.

SATU DAN DUA RAJA-RAJA

Mesej Lima (sambungan)

- C. Dalam pemulihan Tuan tidak ada tempat untuk diri alamiah kita; gereja-gereja dalam pemulihan Tuan, sebagai sebahagian daripada Tubuh Kristus yang hidup, secara spontan akan menolak apa-apa yang alamiah—1 Kor. 12:12-13.
- D. Dalam pembinaan gereja, setiap perkara alamiah dalam kita harus dihancurkan sebelum kita dapat digabungkan bersama; kita dapat dibina hanya selepas diri alamiah kita dihancurkan—*Kidung*, #603, rangkap 6 dan 7.
- E. Kebolehan alamiah adalah berpusatkan diri dan menyebabkan kita sompong, lalu suka bermegah-megah dan memuliakan diri; kebolehan yang dibangkitkan tidak sompong dan tidak suka bermegah-megah dalam dirinya—bd. Kol. 1:17b, 18b; Flp. 3:3; 2 Kor. 12:9.
- F. Kebolehan alamiah bersifat mementingkan diri, dan segala rancangan dan ikhtiar daripada kebolehan ini adalah untuk diri, tanpa mengendahkan kehendak Tuhan; kebolehan yang dibangkitkan adalah untuk kehendak Tuhan; kebolehan ini telah dihancurkan dan bukan untuk diri dan tidak mempunyai elemen diri—bd. Mat. 16:24.
- G. Kebolehan alamiah menyebabkan kita berdikari dan mempunyai keyakinan diri, bertindak sendiri serta menyebabkan kita bergantung pada diri kita dan bukannya pada Tuhan; kebolehan yang dibangkitkan bergantung pada Tuhan dan tidak berani bertindak menurut diri, biarpun benar-benar berkebolehan dan berkeupayaan; kebolehan yang dibangkitkan dikawal oleh Roh Kudus dan tidak berani bertindak sesuka hati—bd. 2 Kor. 1:8-9; 4:6-7; 12:7-9.
- H. Kebolehan alamiah tidak mempunyai elemen divin, sebaliknya mencari kemuliaan sendiri dan memuaskan hasrat sendiri; kebolehan alamiah bercampur aduk dengan elemen tubuh daging dan sifat panas baran; oleh itu, apabila kebolehan alamiah tidak diperakui orang, kemarahan akan terangsang; kebolehan yang dibangkitkan tidak mempunyai tubuh daging—bd. 1 Tes. 2:4.
- I. Kebolehan alamiah bersifat sementara dan tidak dapat bertahan ujian, kegagalan, atau tentangan; kebolehan yang dibangkitkan menyanjung puji Bapa, memperakui kehendak Bapa—Mat. 11:20-26; Yoh. 2:19; Kis. 2:24.
- J. Orang yang melayan menurut kebolehan alamiah menghasratkan ganjaran atau penghargaan daripada orang lain; orang yang melayan menurut kebolehan yang dibangkitkan berhasrat untuk memenangi Kristus dan berazam untuk memperoleh penghormatan dengan diperkenan-Nya—Flp. 3:8; Kej. 15:1; Ibr. 11:5-6; 2 Kor. 5:9.
- K. Kebolehan alamiah suka memanifestasikan diri, dikenali orang, dan dibawa ke hadapan orang; kebolehan yang dibangkitkan suka melakukan hal secara sembunyi untuk menjadi satu dengan “Tuhan yang menyembunyikan diri-Nya” serta “berakar...ke bawah dan berbuah ke atas”—Yes. 45:15; 37:31; Mat. 6:4, 6, 17-18.
- L. Kebolehan dan keupayaan alamiah yang terpisah daripada hayat adalah seperti ular yang meracuni umat Tuhan; hayat adalah seperti burung merpati yang membekali umat Tuhan dengan hayat dan menjadikan kita seorang yang mengekspresikan, dalam keinsanannya, Tuhan yang limpah lengkap dalam atribut-Nya yang kaya menerusi virtu-Nya yang wangi; hayat menjadikan kita bagaikan bunga bakung yang bertumbuh dari semak berduri dan bagaikan bintang yang terang pada waktu malam gelap—bd. Kel. 4:1-9; Mat. 3:16-17.
- M. Bila-bila sahaja orang cuba membawa kebolehan alamiah mereka ke dalam gereja, maka hilanglah realiti gereja; hanya kebolehan yang melalui kematian dan kebangkitan yang dapat dibawa ke dalam gereja—1 Kor. 3:16-17.

GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

Mesej Lima (sambungan)

IV. Empat puluh satu raja Israel dan Yehuda berada di kedudukan tertinggi, namun mereka tidak berhati-hati dalam kenikmatan mereka terhadap tanah permai; bahkan Daud juga tidak menikmati tanah permai dengan sepenuhnya; kita harus menerapkan contoh mereka pada diri kita:

- A. Akar kejahatan raja-raja jahat ini adalah sama seperti akar kejahatan umat Israel, iaitu mereka meninggalkan Tuhan yang merupakan sumber air hidup dan berpaling kepada berhala pagan yang merupakan takungan pecah yang tidak dapat menakung air; kedua-dua kejahatan ini melemaskan mereka dalam air maut penyembahan berhala dan pemuasan nafsu—Yer. 2:13.
- B. Hari ini kita ialah raja yang memerintah bersama dengan Kristus dalam hayat dengan menerima kelimpahan kurnia dan kelimpahan berian keadilbenaran (Roma 5:10, 17); kita harus berusaha mengikut teladan Paulus yang mengisyiharkan bahawa dia telah disalibkan bersama dengan Kristus dan bukan lagi dia yang hidup tetapi Kristus yang hidup dalamnya (Gal. 2:20); dia mengatakan bahawa dia berhidupkan Kristus demi pembesaran-Nya dengan menerima perbekalan limpah lengkap daripada Roh Yesus Kristus, yakni bekalan Tubuh (Flp. 1:19-21a).
- C. Dalam kebangkitan, Kristus menjadi Roh beri-hayat yang merupakan konsumasi Tuhan Tritunggal (1 Kor. 15:45b); Roh almuhit yang divin ini masuk ke dalam roh kita dan berbaur dengan roh kita yang dilahirukan, menjadikan Tuhan dan manusia, manusia dan Tuhan, satu dalam roh pembauran; kini dua roh ini berbaur bersama menjadi satu entiti (6:17; Roma 8:16).
- D. Hari ini Tuhan Roh ialah Roh almuhit, Roh majmuk, Roh pengurapan, Roh yang mewahikan, dan Roh terkonsumasi sebagai konsumasi Tuhan Tritunggal yang terproses—Flp. 1:19; Kel. 30:22-25; 1 Yoh. 2:27; 1 Kor. 2:10; Wahi 22:17a.
- E. Hari ini dalam pemulihan Tuan, kita harus memberi perhatian penuh kepada roh pembauran, iaitu Roh itu berbaur dengan roh kita, dan kita harus hidup, bergerak-hidup, serta berperilaku dalam dan menurut roh pembauran ini supaya kita benar-benar dapat meraja dalam hayat (Roma 8:4; 5:10, 17); roh pembauran ini ialah permulaan bagi Tubuh Kristus dan akan berkonsumasi dalam Yerusalem Baru (Ef. 1:17; 2:22; 3:5, 16; 4:23; 5:18; 6:18; Wahi 21:10).